

4 JAN 1996

Anwar - Akta

PINDAAN AKTA KWSP AKAN DIPERKENALKAN PADA MAC

KUALA LUMPUR, 4 Jan (Bernama) -- Cadangan pindaan kepada Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi membolehkan pencarum mengeluarkan wang untuk pelaburan dalam pasaran ekuiti akan dibentangkan di Parlimen pada Mac, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini.

Anwar berkata: "Apabila cadangan itu dibuat kami dinasihati bahawa beberapa peruntukan kecil perlu dipinda untuk membolehkan kemudahan-kemudahan itu digunakan bagi tujuan pelaburan."

"Kita perlu meminda akta itu dan kita mengemukakan cadangan untuk memperkenalkan pindaan itu dalam sesi Mac ini," katanya ketika menjawab soalan pada persidangan berita semasa lawatan mengejut ke ibu pejabat KWSP di Bangunan Kuwasa di Jalan Raja Laut di sini.

Baru-baru ini KWSP membuat cadangan bagi membenarkan pencarum dengan simpanan lebih RM50,000 mengeluarkan sebahagian daripada caruman mereka untuk pelaburan dalam pasaran ekuiti menerusi kelulusan pengurus dana.

Mengenai jumlah maksimum RM50,000, Anwar berkata ia bagi melindungi pencarum daripada golongan berpendapatan rendah.

Ordinan KWSP 1951 digantikan dengan Akta KWSP 1991 yang berkuatkuasa 1 Jan 1991 dan Akta KWSP (Pindaan) 1994.

Mengenai isu pelarasan gaji kakitangan awam, Anwar berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memaklumkan kesediaan beliau untuk menyegerakan penyelesaian tetapi ia tertakluk kepada persetujuan bersama antara Cuepacs dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Beliau berkata had dan keupayaan kerajaan ialah RM3,000 juta -- RM1,000 juta telah dibelanjakan untuk bonus dan RM2,000 juta diperuntukkan untuk pelarasan gaji.

"Saya harap Cuepacs dapat membuat keputusan secepat mungkin dan berunding dengan JPA supaya dapat dibereskan soal peratusan dengan segera," kata beliau.

-- BERNAMA